Jabatan Perangkaan
MALAYSIA

# BERITA DAN ISU SEMASA IMPAK COVID-19 KEPADA EKONOMI

**RUJUKAN: 17 – 19 OGOS 2021**

**BIL. 31 / 2021**

## RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

### 1. PENDAHULUAN

1.1 Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 19 Ogos 2021 **kumulatif kes sembuh bertambah kepada 1,220,446** atau 81.9 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **255,534 kes yang masih aktif**. Sementara itu, **kes baharu** merekodkan **catatan tertinggi** sebanyak **22,948** dan menjadikan jumlah jangkitan positif mencecah kepada **1,489,460 kes.** Penularan tempatan meliputi **99.9 peratus** atau **22,939 kes** daripada catatan harian dengan **83.5 peratus dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan warganegara Malaysia** manakala **kes import berjumlah 9 kes**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **sebanyak 47.3 peratus**, Zon Selatan (16.5 peratus), Wilayah Malaysia Timur (14.5 peratus), Zon Utara (13.3 peratus) dan Zon Pantai Timur (8.4 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** diterajui menerusi catatan **di Selangor** iaitu **7,175 kes** disusuli Sabah (2,583 kes), Kedah (2,137 kes), Pulau Pinang (1,655 kes), Johor (1,526 kes), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (1,439 kes) dan Kelantan (1,271 kes). Sejumlah **13,480 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **178 kematian terbaharu** sementara **rekod harian tertinggi kematian** adalah **360 kes** yang dicatatkan pada 8 Ogos 2021.

1.2 Sementara itu, perkembangan terkini statistik **Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan** sehingga 17 Ogos 2021 menunjukkan seramai **17,437,286** telah **divaksinasi**. Di peringkat negeri, **Selangor menerajui** bilangan yang telah divaksinasi iaitu **3,809,661** diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan 2,598,763. Antara negeri-negeri yang turut mencatatkan bilangan penerima yang tinggi adalah Sarawak (1,824,160), Johor (1,691,172), Sabah (1,335,646), Perak (1,029,112) dan Pulau Pinang (992,157). Secara keseluruhannya, jumlah pemberian vaksin telah mencapai **29.4 juta dos** bagi dos pertama dan kedua sementara jumlah pendaftaran bagi program vaksinasi telah mencecah 20.69 juta orang.

1.3 Krisis kesihatan yang berpanjangan turut mencetuskan ketidaktentuan ekonomi di dalam mahupun luar negara. Senario ini digambarkan menerusi beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain. Butiran terkini pasaran ekonomi antarabangsa adalah seperti berikut:

- US: **Jualan runcit jatuh pada bulan Julai akibat penurunan penjualan kenderaan yang berterusan.** Dengan penjualan kenderaan terus turun dengan mendadak, jualan runcit merosot sebanyak -1.1%

pada bulan Julai setelah meningkat dengan 0.7 pada bulan Jun. Penurunan penjualan runcit yang lebih besar daripada yang dijangkakan sebahagiannya disebabkan oleh penjualan oleh peniaga kenderaan bermotor dan alat ganti, yang menguncup sebanyak 3.9% pada bulan Julai setelah turun sebanyak 2.2% pada bulan Jun. (RTT)

- US: **Pengeluaran industri meningkat lebih tinggi daripada yang dijangkakan pada bulan Julai.** Pengeluaran perindustrian meningkat 0.9% pada bulan Julai menyusuli peningkatan 0.2% pada bulan Jun. Output pembuatan meningkat 1.4% pada bulan Julai setelah merosot -0.3% pada bulan Jun, disokong lonjakan 11.2% dalam pengeluaran kenderaan bermotor dan alat ganti. (RTT)

- EU: **Pertumbuhan ekonomi Euro Zone ST2 2021 pada 2% disokong oleh** pelonggaran sekatan COVID-19 yang mendorong kerancakan semula aktiviti ekonomi. Sementara itu pekerjaan meningkat 0.5% pada tempoh April-Jun berbanding suku sebelumnya. (Reuters)

- UK: **Pertumbuhan gaji melepasi rekod apabila kekosongan jawatan melebihi satu juta.** Pendapatan purata dalam tiga bulan hingga Jun melonjak 8.8% tahun ke tahun. (Bloomberg)

- SINGAPORE: **Eksport domestik bukan minyak (NODX) melonjak 12.7% tahun ke tahun pada bulan Julai setelah mencatatkan kenaikan 15.9% pada bulan Jun.** Pertumbuhan disebabkan terutamanya oleh bukan elektronik seperti jentera khusus, farmaseutikal dan petrokimia. NODX kepada 10 pasaran teratas secara keseluruhan meningkat pada bulan Julai, terutamanya ke China, EU 27 dan Taiwan. Sementara itu, NODX ke US merosot. (RTT)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. Bank Negara Malaysia telah **menyemak semula unjuran** pertumbuhan KDNK bagi tahun 2021 kepada **3.0 peratus hingga 4.0 peratus**, **lebih rendah berbanding anggaran sebelumnya iaitu 6.0 peratus hingga 7.5 peratus**.

2. Pertumbuhan ekonomi negara pada tahun 2021 telah **diunjurkan pada paras lebih rendah iaitu 3.2 peratus berbanding anggaran awalan 4.1 peratus.** S&P Global Ratings mengunjurkan ekonomi Malaysia berkembang 6.0 peratus pada tahun 2022, 5.2 peratus pada 2023 dan 4.6 peratus pada 2024.

3. Pasaran **semikonduktor** di **seluruh dunia** dijangka **meningkat 25 peratus** pada tahun 2021, menurut Statistik Perdagangan Semikonduktor Dunia (WSTS). WSTS menganggarkan kenaikan sebelumnya sebanyak 19.7 peratus.

4. **Pakar minyak sayuran antarabangsa menjangkakan minyak sawit mentah** (CPO) akan mengalami **pembetulan harga** antara **15 peratus hingga 20 peratus** pada **akhir tahun ini**. Harga CPO dijangka lemah pada akhir Disember dan akan terus lemah pada separuh pertama 2022. CPO dijangka diperdagangkan pada US$ 1,000 (RM4,239) per tan pada akhir 2021 dan rata-rata pada US$ 800-US $ 850 (RM3,392-RM3,604) per tan pada separuh pertama 2022.

5. Sime Darby Plantation Berhad menganggarkan **harga minyak sawit mentah** akan terus **meningkat** di antara **RM4,000 hingga RM4,700 per tan** bagi tempoh enam bulan kedua 2021.

6. **Enam negeri** iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak, Pulau Pinang dan Sabah **dibenarkan untuk beroperasi** bagi **semua subsektor perdagangan dan pengedaran** meskipun belum mencapai tahap imunisasi lengkap 50 peratus bagi populasi dewasa.

7. Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah mengenal pasti **325 projek pelaburan asing dalam sektor Pembuatan dan Perkhidmatan** dengan potensi gabungan **nilai pelaburan sebanyak RM97.4 bilion.** MIDA juga **sedang menilai sebanyak 835 projek dengan cadangan pelaburan berjumlah RM76.7 bilion** dalam kedua-dua sektor tersebut.

8. **Keuntungan bersih Gas Malaysia Bhd** pada suku kedua yang berakhir pada 30 Jun 2021, melonjak 39.7 peratus kepada RM62.34 juta daripada RM44.62 juta yang dicatatkan tahun lalu.

9. **Penjualan dan pengeluaran kenderaan bermotor** untuk dua bulan setengah terakhir terjejas teruk dengan **jumlah kerugian melebihi RM14 bilion.**

10. PETRONAS **menyelesaikan penghantaran kargo pertamanya bagi gas asli cecair (LNG) neutral karbon** kepada Shikoku Electric Power Company, Inc. Kargo itu dihantar dari Kompleks LNG Petronas (PLC) di Bintulu, Sarawak dan telah diterima pada Selasa di terminal LNG Sakaide yang terletak di Pulau Shikoku, Jepun.

11. Syarikat penerbangan **Malaysia Airlines** telah mencatatkan **tahap 100 peratus vaksinasi bagi juruterbang dan kru kabinnya** yang bertugas. Kemajuan program vaksinasi bagi memberi keyakinan kepada penumpang untuk memilih perjalanan dengan mana-mana syarikat penerbangan di bawah Malaysia Aviation Group.

12. Malaysia perlu **segera memulihkan ekonomi** dan bergerak semula ke hadapan kerana **banyak PKS berisiko menutup operasi** sepenuhnya dalam tempoh terdekat.

13. **Pasaran getah Malaysia ditutup kukuh** pada Selasa disokong oleh kenaikan dalam pasaran hadapan getah serantau. Ia juga dirangsang oleh laporan bahawa China akan mengukuhkan dasar fiskal dan monetari walaupun terdapat trend bercampur-campur dalam harga minyak mentah yang dijadikan penanda aras.

14. Sejumlah **RM131.8 juta peruntukan** disalurkan kepada **golongan muda** bagi memberi manfaat kepada **7,406 usahawan Agropreneur Muda** sejak ia dilancarkan pada 2016. Sejumlah 1,149 permohonan di bawah GAM bernilai RM21.7 juta sudah diluluskan pada tahun lalu, berbanding 750 pada 2019. Data terkini menunjukkan daripada 14.6 juta belia dalam negara, hanya 15 peratus yang terbabit dalam bidang pertanian.

15. **Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menjalinkan kerjasama** bagi membina **hubungan strategik jangka panjang bersama SME Association of Malaysia dan lima institusi pengajian tinggi swasta** iaitu Universiti Taylor, Universiti HELP, Kolej Universiti Antarabangsa INTI, Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) dan Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman. Kerjasama ini **bertujuan meningkatkan kadar**

**penempatan pekerjaan graduan dari IPTS menerusi program pasaran buruh aktif yang dilaksanakan PERKESO.**

16. **Peluang kerjaya** dalam bidang **perkhidmatan kewangan, teknologi kewangan (fintech), sains hayat dan penjagaan kesihatan bertambah baik pada suku kedua tahun 2021**. Berdasarkan kajian *Michael Page Malaysia Talent Trends*, peningkatan bilangan pekerjaan adalah sebanyak 22 peratus suku kedua 2021 berbanding suku sebelumnya didorong oleh pengambilan pekerja daripada syarikat MNC di Malaysia.

| A. | Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Metro**<br>17 Ogos 2021<br>(*Non-essential*) | **12 lokaliti di Sabah dan Pahang dikenakan PKPD**<br><br>Sebanyak 12 lokaliti di Sabah dan Pahang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bermula 19 Ogos hingga 1 September. Di negeri Sabah lokaliti yang dikenakan PKPD membabitkn daerah Penampang, Sipitang, Lahad Datu, Beluran dan Tawau. Manakala di Pahang pula di daerah Temerloh, Raub dan Lipis. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/08/743615/12-lokaliti-di-sabah-dan-pahang-dikenakan-pkpd |
| 2. | **Berita Harian**<br>18 Ogos 2021<br>(*Non-essential*) | **RumahPrihatin@ GrandSeasons untuk rakyat terkesan COVID-19**<br><br>Kementerian Wilayah Persekutuan menerusi Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) memperkenalkan inisiatif RumahPrihatin@ GrandSeasons di bawah payung Wilayah Persekutuan Wilayah Prihatin. Inisiatif ini bermula secara berperingkat iaitu mulai 15 Julai lalu di premis Hotel Grand Seasons, Jalan Pahang.<br><br>Pusat kediaman berkonsepkan hotel kebajikan ini bermatlamat membantu rakyat yang terkesan akibat COVID-19, khususnya golongan miskin bandar di Wilayah Persekutuan melalui kerjasama dan sokongan sukarelawan, | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/852632/rumahprihatingrandseasons-untuk-rakyat-terkesan-covid-19 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | persatuan, organisasi korporat dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).<br><br>Empat komponen utama di bawah RumahPrihatin@ GrandSeasons iaitu;<br>i. Dapur Prihatin (DP) adalah inisiatif yang menyediakan pek makanan percuma sehingga 1,000 pek sehari untuk golongan fakir miskin, gelandangan, petugas barisan hadapan, sukarelawan, musafir dan mereka yang tidak berkemampuan.<br>ii. Bilik Penginapan Prihatin (BBP) menyediakan sebanyak 300 bilik pada harga minimum sebagai transit buat golongan yang memerlukan<br>iii. Khidmat Vaksinasi Prihatin (KVP) adalah perkhidmatan vaksinasi dengan kapasiti 800 orang sehari.<br>iv. Pusat Gerakan Jejak Prihatin (PGJK) iaitu pusat bagi Sukarelawan Wilayah Prihatin (PriVo), Majlis Perwakilan Penduduk, AJK Surau Masjid, Persatuan Penduduk dan NGO. | |
| 3. | **Berita Harian**<br>18 Ogos 2021<br>(*Non-essential*) | **Harga minyak sawit mentah dijangka terus meningkat**<br><br>Berikutan jangkaan permintaan yang lebih tinggi berbanding penawaran, Sime Darby Plantation Bhd (SDP) menjangkakan harga minyak sawit mentah (MSM) akan terus | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/08/852907/harga-minyak-sawit-mentah-dijangka-terus-meningkat |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | meningkat kepada sekitar RM4,000 hingga RM4,700 satu tan dalam enam bulan akan datang.<br><br>Walaupun mengalami masalah kekurangan tenaga kerja, pengeluaran tandan buah segar (TBS) syarikat tersebut untuk tahun kewangan 2021 dijangka akan setanding dengan tahun kewangan 2020. | |
| 4. | **The Star**<br>19 Ogos 2021<br>(*Non-essential*) | **S&P Global Ratings lowers Malaysia 2021 GDP growth forecast to 3.2%**<br><br>S&P Global Ratings has lowered its growth forecast for Malaysia to 3.2% in 2021 from 4.1% earlier.<br><br>Lockdowns to manage the ongoing pandemic wave have now been in place for around three months. The deeper downturn has cut activity in the services sector and is resulting in sizable job-losses - in June the unemployment rate jumped to 4.8% from 4.5% in May. | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/08/19/sp-global-ratings-lowers-malaysia-2021-gdp-growth-forecast-to-32 |

Penemuan penting & isu:

1. Sebanyak 12 lokaliti di Sabah dan Pahang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bermula 19 Ogos hingga 1 September 2021. Di negeri Sabah lokaliti yang dikenakan PKPD membabitkn daerah Penampang, Sipitang, Lahad Datu, Beluran dan Tawau. Manakala di Pahang pula di daerah Temerloh, Raub dan Lipis.

2. Kementerian Wilayah Persekutuan menerusi Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) memperkenalkan inisiatif RumahPrihatin@GrandSeasons di bawah payung Wilayah Persekutuan Wilayah Prihatin bagi membantu rakyat yang terkesan terutamanya golongan miskin bandar di Wilayah Persekutuan.

3. Sime Darby Plantation Berhad menganggarkan harga minyak sawit mentah akan terus meningkat kepada lingkungan RM4,000 hingga RM4,700 satu tan bagi tempoh enam bulan kedua 2021.

4. Pertumbuhan ekonomi negara pada tahun 2021 telah diunjurkan lebih rendah iaitu 3.2 peratus berbanding anggaran awalan 4.1 peratus. S&P mengunjurkan ekonomi Malaysia berkembang 6.0 peratus pada tahun 2022, 5.2 peratus pada 2023 dan 4.6 peratus pada 2024.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pelaksanaan PKPD menjejaskan prestasi ekonomi di kawasan terbabit dengan melaksanakan penutupan sempadan dan hanya keperluan penting sahaja dibenarkan. Pada tahun 2020, KDNK Sabah merekodkan penurunan 9.5 peratus manakala Pahang menyusut 5.9 peratus.

2. Bantuan yang disediakan oleh pihak Kementerian Wilayah Persekutuan menerusi Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) meliputi aspek bekalan makanan, kesihatan dan tempat tinggal. Bantuan ini yang diuruskan oleh pihak Yayasan dikelaskan sebagai perbelanjaan penggunaan akhir institusi bukan keuntungan yang berkhidmat kepada isi rumah (NPISHs). Perbelanjaan NPISHs kepada isirumah bertumbuh 12.6 peratus pada tahun 2020.

3. Sekiranya impak kekurangan tenaga kerja terhadap pengeluaran minyak sawit mentah dapat diatasi, peningkatan harga minyak sawit mentah dijangka dapat meningkatkan nilai eksport untuk tempoh enam bulan akan datang. Pada ST2 2020, pertanian kelapa sawit menyumbang 2.5 peratus kepada KDNK negara.

4. Pelaksanaan PKP 3.0 telah memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara berikuan penutupan sebilangan besar aktiviti perkhidmatan tidak perlu (*non-essential services*). Pada ST2 2021, KDNK Malaysia meningkat 16.1 peratus. Walau bagaimanapun, pertumbuhan yang kukuh bagi suku tahun ini adalah disebabkan oleh asas rendah yang direkodkan pada ST2 2020. Bagi asas suku tahun ke suku tahun, KDNK menyusut 1.9 peratus daripada negatif 4.1 peratus pada suku tahun sebelumnya.

| B. | Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| | **A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit** | | |
| 1. | **Harian Metro**<br>16 Ogos 2021<br>(*Non-essential*) | **Jualan kenderaan terjejas teruk**<br><br>Penjualan dan pengeluaran kenderaan bermotor untuk dua bulan setengah terakhir terjejas teruk apabila kilang pengeluaran kenderaan, pusat pengedaran dan pusat penjualan terutama di Lembah Klang ditutup sejak 1 Jun 2021. Berdasarkan statistik terkini Persatuan Automotif Malaysia (MAA), penjualan masing-masing hanya 1,921 unit dan 7,086 unit bagi bulan Jun dan Julai 2021. | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/08/743283/jualan-kenderaan-terjejas-teruk |
| 2. | **New Straits Times**<br>16 Ogos 2021<br>(*Essential*) | **Reopening of economic sector brings relief to traders, consumers**<br><br>It is a relief not only for traders but also for consumers that 11 economic sectors resumed operations today after being closed for more than two months. However, a Bernama survey also found that many premises in the 11 economic sectors, especially clothing outlets, were not fully operational because they were still in the process of cleaning, even though there were waiting customers. | https://www.nst.com.my/news/nation/2021/08/718423/reopening-economic-sector-brings-relief-traders-consumers |
| 3. | **New Straits Times**<br>16 Ogos 2021<br>(*Essential*) | **Many shops in the city remain shut despite first day of reopening of 11 economic activities** | https://www.nst.com.my/news/nation/2021/08/718461/many-shops-city-remain-shut-despite-first- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Many shops inside shopping malls in the city remained closed to customers despite it being the first day of the reopening of 11 economic activities today. Some premises decided to reopen only tomorrow as staff were seen sanitising the premises and making preparations before they could welcome back customers. | day-reopening-11-economic |
| 4. | **Berita Harian** 16 Ogos 2021 (*Non-essential*) | **Peningkatan pandemik jejas pemulihan Malaysia - Moody's Analytics**<br><br>Pertumbuhan 16.1 peratus pada suku kedua 2021 menunjukkan ekonomi Malaysia pulih, namun peningkatan kes COVID-19 kebelakangan ini menjejaskan momentum, demikian kata Moody's Analytics. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) suku kedua Malaysia meningkat 16.1 peratus adalah sejajar dengan unjurannya meskipun peningkatan itu berikutan perbandingan asas yang rendah. | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/08/851875/peningkatan-pandemik-jejas-pemulihan-malaysia-moodys-analytics |
| 5. | **Berita Harian** 16 Ogos 2021 (*Essential*) | **Semakin ramai peruncit bakal berdepan tindakan mahkamah**<br><br>Semakin ramai peruncit berdepan prospek dibawa ke muka pengadilan oleh pemberi pinjaman disebabkan kegagalan membuat pembayaran balik, sewaan dan pembelian. Persatuan Rantaian Peruncit Malaysia (MRCA) mendedahkan perkara itu sedang berlaku kerana kebanyakan peruncit berdepan kemelut kewangan disebabkan COVID-19. | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/08/851858/semakin-ramai-peruncit-bakal-berdepan-tindakan-mahkamah |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 6. | **New Straits Times**<br>17 Ogos 2021<br>(*Essential*) | **Gas Malaysia's net profit rises 39.7pct to RM62.34mil, revenue at RM1.38bil**<br><br>Gas Malaysia Bhd’s net profit in the second quarter (Q2) ended June 30, 2021, jumped 39.7 per cent to RM62.34 million from RM44.62 million posted a year ago. Its Q2 revenue shrunk 10.4 per cent to RM1.38 billion from RM1.54 billion, dragged by lower average natural gas tariff during the period. For the first-half period ended June 30, 2021, Gas Malaysia's net profit 27.5 increased per cent to RM117.97 million from RM92.49 million, while revenue decreased 19.7 per cent to RM2.53 billion from RM3.15 billion. | https://www.nst.com.my/business/2021/08/718766/gas-malaysias-net-profit-rises-397pct-rm6234mil-revenue-rm138bil |
| 7. | **New Straits Times**<br>17 Ogos 2021<br>(*Non-essential*) | **DRB-Hicom's net loss halved to RM234.46mil in 1H2021, revenue at RM6.13bil**<br><br>DRB-Hicom Bhd's (DRB-Hicom) net loss in the second quarter (Q2) ended June 30, 2021, shrunk 29 per cent to RM217.50 million from a net loss of RM306.08 million incurred previously. Its Q2 revenue increased 31 per cent to RM2.62 billion from RM2.00 billion on the back of the improved contribution from the automotive sector, mainly higher sales of vehicles and components by Proton, automotive distribution companies, and manufacturing engineering companies. | https://www.nst.com.my/business/2021/08/718802/drb-hicoms-net-loss-halved-rm23446mil-1h2021-revenue-rm613bil |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 8. | **Harian Metro**<br>18 Ogos 2021<br>(*Essential*) | **Harapan persatuan perniagaan**<br><br>Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Abdul Halim Husin berkata, keadaan ekonomi Malaysia ketika ini tertekan dengan kebanyakan peniaga domestik hampir kehilangan pendapatan. Beliau berkata, kerajaan baru yang akan dilantik kelak perlu pantas dalam mengatasi masalah ekonomi dan kesihatan rakyat, sekali gus memberikan sinar baru kepada negara. | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/08/743760/harapan-persatuan-perniagaan |
| 9. | **Berita Harian**<br>19 Ogos 2021<br>(*Non-essential*) | **Brahim's catat kerugian lebih besar**<br><br>Brahim's Holdings Bhd merekodkan penurunan pendapatan kepada RM6.54 juta bagi suku kedua berakhir 31 Jun 2021, berbanding RM8.06 juta pada tempoh sama 2020. Kerugian bersihnya melebar kepada RM6.54 juta bagi suku dikaji berbanding kerugian bersih sebanyak RM3.42 juta dalam suku sama terdahulu. | https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/08/853080/brahims-catat-kerugian-lebih-besar |
| 10. | **Berita Harian**<br>19 Ogos 2021<br>(*Essential*) | **Harga minyak dunia terendah sejak Mei**<br><br>Minyak mentah susut di bawah AS$65 setong untuk mencecah paras terendah sejak Mei selepas Rizab Persekutuan (Fed) Amerika Syarikat (AS) memberi isyarat akan mengurangkan pembelian aset dalam tempoh beberapa bulan. Perkembangan itu sekali gus memacu dolar AS tetapi menjejaskan komoditi. | https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2021/08/853323/harga-minyak-dunia-terendah-sejak-mei |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Minyak mentah West Texas Intermediate (WTI) susut dua peratus, penyusutan untuk hari keenam berturut-turut, selepas penanda aras Brent juga merosot. Tekanan penurunan tambahan ke atas minyak mentah datang daripada laporan mengenai pegangan produk dan minyak oleh Pentadbiran Maklumat Tenaga (EIA). Walaupun stok minyak mentah turun, berlaku kenaikan inventori petrol yang mengejutkan, menandakan permintaan terhadap bahan api berisiko disebabkan oleh varian Delta yang memberi ancaman. | |
| 11. | **Berita Harian**<br>19 Ogos 2021<br>(*Essential*) | **MR DIY sedia tambah lebih banyak cawangan**<br><br>MR DIY Group (M) Bhd (MR DIY) masih mempunyai banyak ruang untuk menambahkan lagi cawangan di Malaysia pada masa akan datang. Ketua Pegawai Eksekutif MR DIY, Adrian Ong, berkata pada dasarnya rangkaian kedai yang menawarkan produk sama seperti syarikat itu di pasaran negara maju adalah mewakili 5,000 hingga 10,000 penduduk bagi setiap kedai. MR DIY pula, katanya kini menyaksikan setiap satu cawangan mewakili 45,000 penduduk berdasarkan populasi Malaysia sekitar 33 juta orang. Ini menjadikan rangkaian cawangan MR DIY ketika ini masih sederhana, banyak ruang lagi untuk dipertingkatkan. Namun, ia | https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/08/853270/mr-diy-sedia-tambah-lebih-banyak-cawangan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | juga bergantung kepada struktur ekonomi sesebuah negara. | |
| | **B. Subsektor Penginapan** | | |
| 12. | **Utusan Malaysia 19 Ogos 2021** *(Essential)* | **80% pekerja hotel NS lengkap vaksin**<br><br>Sebanyak 80 peratus daripada kira-kira 5,000 pekerja industri hotel dan pelancongan di negeri ini lengkap menerima suntikan dua dos vaksin COVID-19.<br><br>Pengerusi Persatuan Hotel-hotel Malaysia (MAH) Negeri Sembilan, Haziz Hassan berkata, industri hotel khususnya di Port Dickson kini bersedia menerima pengunjung sekiranya negeri ini beralih ke fasa seterusnya dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN). | https://www.utusan.com.my/nasional/2021/08/80-pekerja-hotel-ns-lengkap-vaksin/ |

Penemuan penting & isu:

1. Penjualan dan pengeluaran kenderaan bermotor untuk dua bulan setengah terakhir terjejas teruk dengan jumlah kerugian melebihi RM14 bilion.

2. Kerajaan mengumumkan bahawa 11 jenis kegiatan ekonomi pada sektor perdagangan dan pengedaran dibenarkan untuk beroperasi semula mulai 16 Ogos 2021 di bawah Pelan Pemulihan Nasional Fasa Satu.

3. Kerajaan telah mengumumkan bahawa beberapa larangan perniagaan dan rekreasi akan dilonggarkan di negeri-negeri di bawah Fasa 1 Rancangan Pemulihan Nasional.

4. BNM telah menyemak semula unjuran pertumbuhan KDNK untuk 2021 kepada 3.0 peratus hingga 4.0 peratus, lebih rendah berbanding 6.0 peratus hingga 7.5 peratus sebelumnya.

5. MRCA merayu kepada kerajaan memberikan kebenaran pembukaan semula semua sektor runcit dengan segera.

6. Keuntungan bersih Gas Malaysia Bhd pada suku kedua yang berakhir pada 30 Jun 2021, melonjak 39.7 peratus kepada RM62.34 juta daripada RM44.62 juta yang dicatatkan tahun lalu.

7. DRB-Hicom mengambil langkah yang diperlukan untuk membentuk semula perniagaannya untuk baki tahun 2021 dan untuk terus berdaya saing dalam persekitaran yang tidak dapat diramalkan.

8. Malaysia perlu segera memulihkan ekonomi dan bergerak semula ke hadapan kerana banyak PKS berisiko menutup operasi sepenuhnya dalam tempoh terdekat.

9. Dalam suku kedua 2021, Brahim's Holdings Bhd merekodkan penurunan 18.88 peratus pendapatan kepada RM6.54 juta berbanding dengan RM8.96 juta dalam tempoh sama 2020.

10. Harga minyak mentah dunia di bawah AS$65 setong mencecah paras terendah sejak Mei selepas Rizab Persekutuan (Fed) Amerika Syarikat (AS) memberi isyarat akan mengurangkan pembelian.

11. MR DIY masih mempunyai ruang untuk menambahkan lagi cawangan di Malaysia sebanyak 175 cawangan pada masa akan datang.

12. Sebanyak 80 peratus daripada kira-kira 5,000 pekerja industri hotel dan pelancongan di Negeri Sembilan lengkap menerima suntikan dua dos vaksin COVID-19. Pengerusi Persatuan Hotel-hotel Malaysia (MAH) Negeri Sembilan, Haziz Hassan berkata, industri hotel khususnya di Port Dickson kini bersedia menerima pengunjung sekiranya negeri ini beralih ke fasa seterusnya dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Maklumbalas Bahagian:

1. 11 jenis kegiatan ekonomi yang dibenarkan beroperasi oleh kerajaan dalam sektor perdagangan dan pengedaran semula mulai 16 Ogos 2021 di bawah PPN Fasa satu akan memberikan impak yang positif kepada sektor Perdagangan Borong & Runcit.

2. Pemberian vaksin secara menyeluruh kepada kakitangan pelancongan dapat meningkatkan imuniti kelompok seterusnya memberi peluang sektor pelancongan beroperasi dengan selamat.

| C. | Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Bernama**<br>18 Ogos 2021<br>(*Essential*) | **Petronas delivers its first carbon neutral LNG cargo**<br><br>Petroliam Nasional Bhd (Petronas) has completed the delivery of its maiden carbon neutral liquefied natural gas (LNG) cargo to Shikoku Electric Power Company, Inc.<br><br>The cargo was delivered from the Petronas LNG Complex (PLC) in Bintulu and was received yesterday at the Sakaide LNG terminal in Shikoku Island, Japan.<br><br>The national oil and gas company said it has offset the estimated life cycle carbon footprint of the LNG cargo through renewables-based carbon credits for the emissions generated from upstream gas exploration and production, transportation, liquefaction, and shipping of the cargo. | https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1993857 |
| 2. | **The Edge Market**<br>19 Ogos 2021<br>(*Non-essential*) | **Tin hits record highs as global stocks shrink**<br><br>Tin continues to be the unexpected star performer of industrial metals this year. Tin is now in demand destruction territory, with the onus on the relatively small number of major producers to generate a supply response. | https://www.theedgemarkets.com/article/tin-hits-record-highs-global-stocks-shrink |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | The rest of the world is also looking for increased supply from Indonesia, the world's largest exporter, and Malaysia. | |

| |
|---|
| Penemuan penting & isu:<br><br>1. PETRONAS menyelesaikan penghantaran kargo pertamanya bagi gas asli cecair (LNG) neutral karbon kepada Shikoku Electric Power Company, Inc. Kargo itu dihantar dari Kompleks LNG Petronas (PLC) di Bintulu, Sarawak dan telah diterima pada Selasa di terminal LNG Sakaide yang terletak di Pulau Shikoku, Jepun. PETRONAS menjelaskan ia mengimbangi jangkaan jejak karbon kitar hayat kargo LNG itu menerusi kredit karbon berasaskan boleh baharu untuk pelepasan yang dijana daripada cari gali dan pengeluaran gas huluan, pengangkutan, pencecairan dan penghantaran kargo.<br><br>2. Timah terus menunjukkan prestasi yang di luar jangkaan bagi kategori logam industri. Timah kini diperdagangkan sekitar USD35,000 per tan. Namun, rangkaian bekalan fizikal terus tertekan disebabkan oleh stok timah yang kini berada pada tahap terendah. Timah kini berada dalam '*demand destruction territory*', di mana hanya kumpulan kecil pengeluar dipertanggungjawab memenuhi permintaan pengguna. Pengguna dari seluruh dunia kini bertumpu kepada peningkatan bekalan dari Indonesia yang merupakan pengeksport terbesar di dunia, dan juga Malaysia. Akan tetapi, eksport timah Indonesia pada tahun ini tidak banyak berubah berbanding tahun lalu, naik hanya 2% kepada 39,000 tan dalam tempoh tujuh bulan pertama 2021. Malaysia Smelting Corporation (MSC) pula telah menghadapi isu peralatan dan kawalan COVID-19 menyebabkan kilang peleburan mengumumkan *force majoure* pada Jun 2021. |
| Maklumbalas Bahagian:<br><br>1. Nilai eksport Malaysia mengikut mod pengangkutan laut bagi separuh pertama 2021 adalah RM324.1 bilion dan mencatatkan peningkatan sebanyak RM31.3 bilion atau 21.4 peratus berbanding tahun sebelumnya. Eksport melalui laut menyumbang 55.3 peratus kepada keseluruhan nilai eksport, diikuti oleh udara (RM178.3 bilion atau 30.4 peratus) dan tanah (RM83.2 bilion atau 14.2 bilion).<br><br>2. Nilai eksport bagi gas asli cecair bagi separuh pertama 2021 adalah RM15.9 bilion dan menyusut sebanyak RM2.4 bilion atau 13.2 peratus tahun ke tahun. Volum eksport gas asli cecair bagi separuh pertama 2021 |

adalah 13.1 juta tan metrik dan mencatatkan sedikit penurunan sebanyak 1.2 juta tan metrik atau 10.3 peratus tahun ke tahun.

3. Nilai eksport timah, bukan aloi bagi separuh pertama 2021 adalah RM1.1 bilion dan mencatatkan peningkatan ketara sebanyak RM0.5 bilion atau 76.4 peratus berbanding tahun sebelumnya. Volum eksport timah, bukan aloi pula adalah 10.8 juta tan metrik dan mencatatkan peningkatan 1.3 juta tan metrik atau 13.9 berbanding tahun sebelumnya.

| D. | Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Edge Markets**<br>18 Ogos 2021<br>(*Non-essential*) | **COVID-19: 1,549 workplace clusters between March 28 and Aug 17**<br><br>The economic sectors that have the most number of clusters of COVID-19 infections are manufacturing (780 clusters), service sector (260) and construction (181). | https://www.theedgemarkets.com/article/covid19-over-1500-workplace-clusters-detected-past-five-months-133247-staff-tested-positive |
| 2. | **The Edge Markets**<br>18 Ogos 2021<br>(*Non-essential*) | **Widad wins RM53m school project in Bangi**<br><br>Widad Group Bhd, whose share price has fallen 52% year to date, announced that its subsidiary has secured a RM53.2 million contract to build a school in Bangi. | https://www.theedgemarkets.com/article/widad-wins-rm53m-school-project-bangi |
| 3. | **The Edge**<br>18 Ogos 2021<br>(*Non-essential*) | **Apollo's manufacturing plant in Johor resumes operations**<br><br>Confectionery manufacturer Apollo Food Holdings Bhd said its Johor manufacturing facility has resumed operations after a temporary suspension as a measure to prevent the spread of COVID-19. | https://www.theedgemarkets.com/article/apollos-manufacturing-plant-johor-resumes-operations |

Penemuan penting & isu:

1. *The States that have the highest number of workplace clusters are Selangor where 414 clusters were detected, Johor (322) and Kuala Lumpur (149).*

2. *The contract from the Public Works Department was awarded to wholly-owned subsidiary Widad Builders Sdn Bhd (WBSB) for the construction of a new school and other facilities at SMK Bukit Mahkota in Bangi, Hulu Langat from Aug 23, 2021 to March 3, 2024.*

3. *Ministry of Health (MoH) approved the resumption of operations for its wholly-owned subsidiary Apollo Food Industries (M) Bhd's premises located in Kawasan Perindustrian Larkin effective yesterday (Aug 16), after a thorough disinfection was carried out.*

Maklumbalas Bahagian:

1. Kilang pembuatan Apollo di Johor dibenarkan beroperasi semula pada 16 Ogos 2021 setelah pembasmian kuman dilakukan secara menyeluruh. Pembuatan produk Makanan, minuman & tembakau mencatatkan peningkatan 10 peratus pada Jun 2021 berbanding tahun sebelumnya.

| E. | **Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Edge Online**<br>16 Ogos 2021<br>*(Essential)* | **Azmin: MIDA identifies 325 foreign investment projects worth RM97.4b**<br><br>The Malaysian Investment Development Authority (MIDA) has identified 325 foreign investment projects in the manufacturing and services sectors with a combined potential investment value of RM97.4 billion, said outgoing international trade and industry minister Datuk Seri Mohamed Azmin Ali. In a statement today on Malaysia's second quarter gross domestic product (GDP) data, Azmin said MIDA is also evaluating a total of 835 projects with proposed investments of RM76.7 billion in | https://www.theedgemarkets.com/article/azmin-mida-identifies-325-foreign-investment-projects-worth-rm974b |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | the manufacturing and services sectors. Foreign direct investment (FDI) net inflow totalled RM8.2 billion in 2Q21 driven by larger reinvestment of earnings mainly in the manufacturing sector and higher equity injections, underscoring that Malaysia continues to remain as a preferred investment destination in the region. In the first half of 2021, Malaysia secured a total committed investment of RM35.97 billion with potential exports value of RM3.4 billion. | |
| 2. | **Berita Harian**<br>18 Ogos 2021<br>(*Essential*) | **Kos penghantaran barang ke luar negara melonjak**<br><br>Syarikat pembuatan Malaysia adalah antara yang terbesar di Asia Tenggara dan terdapat banyak pelaburan langsung asing yang terbabit dan ini (kadar pengangkutan tinggi) memberi impak buruk kepada pengeluar berikutan walaupun dapat mengeluarkan produk, mereka tidak dapat mengeksport disebabkan kenaikan kos pengangkutan. Ketua Pegawai Operasi Mory-Tnte Mondial Express Sdn Bhd, N Thaswin, berkata sebuah kontena sepanjang 40 kaki yang akan dihantar ke Amerika Syarikat (AS) sebelum COVID-19 akan berada dalam julat AS$3,000 hingga AS$4,000 satu kontena tetapi kontena yang sama kini berharga AS$22,000 hingga AS$23,000. Syarikat perkapalan terbabit dalam amalan monopoli disebabkan kerugian yang | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/08/852678/kos-penghantaran-barang-ke-luar-negara-melonjak |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | ditanggung semasa COVID-19, terutama dalam tempoh enam bulan pertama sekatan pergerakan global. Mereka tidak dapat beroperasi dan menghantar barangan, justeru, mereka kini cuba untuk pulih. Kebanyakan syarikat perkapalan berada dalam pakatan dan mereka mempunyai kadar am yang meningkat setiap bulan yang perlu dipatuhi oleh semua syarikat perkapalan yang berada dalam kumpulan pakatan. | |

Penemuan penting & isu:

1. Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah mengenal pasti 325 projek pelaburan asing dalam sektor Pembuatan dan Perkhidmatan dengan nilai pelaburan berpotensi gabungan sebanyak RM97.4 bilion. MIDA juga sedang menilai sebanyak 835 projek dengan cadangan pelaburan berjumlah RM76.7 bilion dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan. Aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) berjumlah RM8.2 bilion pada 2Q21 didorong oleh pelaburan semula pendapatan yang lebih besar terutamanya di sektor pembuatan dan suntikan ekuiti yang lebih tinggi, menekankan bahawa Malaysia terus kekal sebagai destinasi pelaburan pilihan di rantau ini. Pada separuh pertama 2021, Malaysia memperoleh pelaburan komited keseluruhan sebanyak RM35.97 bilion dengan potensi nilai eksport RM3.4 bilion.

2. Syarikat pembuatan Malaysia adalah antara yang terbesar di Asia Tenggara dan terdapat banyak pelaburan langsung asing terbabit. Ini menyebabkan kadar pengangkutan tinggi dan memberi impak buruk kepada pengeluar berikutan tidak dapat mengeksport disebabkan oleh kenaikan kos pengangkutan. Kebanyakan syarikat perkapalan telah berpakat dan mereka mempunyai kadar am yang meningkat setiap bulan yang perlu dipatuhi oleh semua syarikat perkapalan yang berada dalam kumpulan pakatan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) yang telah mengenal pasti 325 projek pelaburan asing dengan nilai pelaburan berpotensi gabungan sebanyak RM97.4 bilion dalam sektor Pembuatan dan Perkhidmatan. Ini akan memberikan kesan kepada penyusunan statistik Akaun kewangan terutamanya komponen Pelaburan Langsung. Pada suku tahun kedua 2021, Pelaburan langsung asing mencatatkan aliran masuk bersih RM8.2 bilion berbanding RM9.1 bilion pada suku sebelumnya.

2. Peningkatan kos pengangkutan yang dikenakan oleh syarikat perkapalan akan memberi kesan kepada penyusunan Akaun semasa terutamanya komponen pengangkutan. Pada suku tahun kedua 2021, pengangkutan mencatatkan defisit sebanyak RM8.1 bilion berbanding RM7.6 bilion pada suku tahun sebelumnya.

| F. | Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian**<br>18 Ogos 2021<br>*(Non-essential)* | **RM1,000 untuk pengusaha spa, pusat urut kaki**<br><br>Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) akan menyalurkan bantuan kewangan sekali beri (one-off) berjumlah RM1,000 kepada pengusaha spa dan Pusat Urutan Kaki (PUK), dalam masa terdekat.<br><br>Bantuan kewangan itu akan diberi menerusi Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) bagi meringankan beban pengusaha spa dan PUK yang terkesan berikutan pandemik COVID-19.<br><br>MOTAC sentiasa berusaha untuk meringankan beban dihadapi pengusaha dan bantuan ini dijangka dapat memanfaatkan 433 pengusaha spa dan PUK. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/852833/rm1000-untuk-pengusaha-spa-pusat-urut-kaki |
| 2. | **The Edge**<br>18 Ogos 2021<br>*(Non-essential)* | **Further easing of business SOP in National Recovery Plan Phase 2 states — ministry**<br><br>All trade and distribution sub-sectors in states under Phase 2 of the National Recovery Plan (PPN) can resume operations even if the number of fully vaccinated individuals in those states has yet | https://www.theedgemarkets.com/article/further-easing-business-sop-national-recovery-plan-phase-2-states-%E2%80%94-ministry |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | to reach 50% of the adult population. The states involved are Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak, Penang and Sabah.<br><br>Industry players and premises owners can operate without having to wait for approval from KPDNHEP. All proof of application through CIMS (Centralised Information Management System) must be kept to be presented when needed.<br><br>Premises owners listed as trade companies that can resume operations must ensure customers who enter their premises show their digital COVID-19 vaccination certificate as proof. | |

Penemuan penting & isu:

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) akan menyalurkan bantuan kewangan sekali beri (one-off) berjumlah RM1,000 kepada pengusaha spa dan Pusat Urutan Kaki (PUK) dalam masa terdekat. Bantuan kewangan itu akan diberi menerusi Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH). Bantuan ini dijangka akan memberi manfaat kepada 433 pengusaha spa dan PUK. Permohonan boleh dibuat bermula 19 Ogos 2021 dan ditutup pada 6 September ini.

2. Semua subsektor perdagangan dan edaran bagi negeri di bawah Fasa 2 Pelan Pemulihan Nasional (PPN) iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak, Pulau Pinang dan Sabah dibenarkan untuk beroperasi semula walaupun jumlah individu yang telah lengkap menerima vaksin belum mencapai 50% populasi orang dewasa. Pemilik premis dibenarkan beroperasi tanpa perlu menunggu kelulusan KPDNHEP. Walau bagaimanapun, pemilik premis perlu memastikan pelanggan yang memasuki premis mereka menunjukkan sijil vaksinasi COVID-19 digital sebagai bukti.

| Maklumbalas Bahagian: | | | |
|---|---|---|---|
| 1. Pengumuman Kerajaan membenarkan semua aktiviti ekonomi di bawah Sektor Perdagangan Borong dan Runcit bagi negeri yang berada di Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara dijangka dapat memulihkan aktiviti Perdagangan Borong dan Runcit di negeri yang terlibat. Seterusnya mendorong kepada peningkatan prestasi ekonomi dalam tempoh terdekat. Sektor Perdagangan Borong dan Runcit sangat penting kepada ekonomi negara kerana mempunyai rantaian pengguna yang ramai terutamanya dari segi permintaan isi rumah. Sektor ini menyumbang 16.6% kepada ekonomi pada suku kedua 2021 dan nilai jualan sektor ini merekodkan RM92.2 bilion dengan pertumbuhan negatif 10.3 peratus bagi bulan Jun 2021. | | | |
| **G.** | **Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)** | | |
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Utusan Malaysia**<br>17 Ogos 2021<br>(*Essential*) | **Pengeluaran kenderaan dijangka meningkat**<br><br>Pengeluaran kenderaan tempatan dijangka kembali meningkat berikutan kebenaran operasi sektor perdagangan dan pengedaran untuk negeri dalam Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara (PPN).<br><br>Penganalisis MIDF Research, Hafriz Hezry berkata, pembukaan semula kilang pembuatan automatik itu tertakluk kepada perkembangan vaksinasi dalam kalangan pemain industri automotif sebelum ia dapat beroperasi pada kadar optimum. | https://www.utusan.com.my/ekonomi/hartanah/2021/08/pengeluaran-kenderaan-dijangka-meningkat/ |
| 2. | **The Star**<br>18 Ogos 2021<br>*(Essential)* | **CPO likely to see price correction by year-end**<br><br>International vegetable oils expert Thomas Mielke expects crude palm oil (CPO) to undergo a price correction of between 15% and 20% by the end of the year. | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/08/18/cpo-likely-to-see-price-correction-by-year-end#cxrecs_s |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Mielke, who is executive director of ISTA Mielke GmBH (Oil World), said CPO price could weaken by end-December and will continue to see more weakness in the first half of 2022. | |
| 3. | **Reuters**<br>18 Ogos 2021<br>*(Essential)* | **Oil eases as weak Asian data, more lockdowns dampen demand hopes**<br><br>Oil prices weakened for a fourth session on Tuesday due to a strong dollar and as surging cases of coronavirus in Japan added to a weak demand picture in Asia. Brent crude ended the session down 48 cents, or 0.7%, at $69.03 per barrel, while U.S. West Intermediate crude (WTI) settled 70 cents, or 1%, lower at $66.59 a barrel.<br><br>The dollar advanced for a second straight session on Tuesday, bolstered by safe-haven demand. A strong dollar makes oil more expensive for holders of other currencies. | https://www.reuters.com/world/middle-east/oil-rises-bargain-hunting-expectations-opec-will-not-boost-supply-soon-2021-08-17/ |
| 4. | **Digitimes Asia**<br>18 Ogos 2021<br>*(Essential)* | **Semiconductor market to grow 25% in 2021, says WSTS**<br><br>The worldwide semiconductor market is forecast to surge 25% in 2021, according to the World Semiconductor Trade Statistics (WSTS). WSTS estimated previously a 19.7% increase.<br><br>Following 6.8% growth in 2020, the worldwide semiconductor market is expected to grow 25.1% | https://www.digitimes.com/news/a20210818PR202.html |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | to US$551 billion in 2021, WSTS said.<br><br>All major product categories will enjoy on-year increases this year, with memory set to register the largest growth, WSTS indicated. The memory sector is forecast to post 37.1% revenue growth in 2021, followed by the analog segment with 29.1% growth and logic with 26.2%. | |
| 5. | **Utusan Malaysia**<br>19 Ogos 2021<br>(*Essential*) | **Bisnes pusat tuisyen musnah akibat pandemik**<br><br>Perniagaan pusat tuisyen negara ini terpaksa menanggung hutang besar berikutan tidak dibenar beroperasi secara fizikal manakala sesi persekolahan bersemuka turut dihentikan sejak Mac tahun lalu hingga sekarang. Turut memberi kesan besar ialah pemansuhan peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan pembatalan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3). | https://www.utusan.com.my/nasional/2021/08/bisnes-pusat-tuisyen-musnah-akibat-pandemik/ |
| 6. | **Kosmo**<br>19 Ogos 2021<br>*(Essential)* | **DHL selesa pilih pengangkutan darat**<br><br>DHL Global Forwarding, pakar pengangkutan antarabangsa terkemuka di bawah Deutsche Post DHL Group meramalkan pertumbuhan kukuh dan berterusan dalam pengangkutan jalan raya rentas sempadan di rantau Asia Tenggara. | https://www.kosmo.com.my/2021/08/19/dhl-selesa-pilih-pengangkutan-darat/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=dhl-selesa-pilih-pengangkutan-darat |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Pertumbuhan perniagaan dan perbelanjaan pengguna dalam platform e-dagang sehingga 70 peratus menjelang tahun 2027 juga akan merancakkan lagi permintaan terhadap penyelesaian logistik dari pintu ke pintu. | |

Penemuan penting & isu:

1. Pengeluaran kenderaan dijangka meningkat selepas mendapat kebenaran kerajaan untuk kembali beroperasi bagi sektor perdagangan dan pengedaran untuk negeri dalam Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara (PPN).

2. Pakar minyak sayuran antarabangsa menjangkakan minyak sawit mentah (CPO) akan mengalami pembetulan harga antara 15 peratus hingga 20 peratus pada akhir tahun ini. Harga CPO dijangka lemah pada akhir Disember dan akan terus lemah pada separuh pertama 2022. CPO dijangka diperdagangkan pada US$ 1,000 (RM4,239) per tan pada akhir 2021 dan rata-rata pada US$ 800-US $ 850 (RM3,392-RM3,604) per tan pada separuh pertama 2022.

3. Harga minyak mentah Brent jatuh dipengaruhi peningkatan Dolar Amerika Syarikat dan kes koronavirus yang melonjak di Jepun mendorong permintaan yang lemah di Asia. Varian Delta koronavirus telah menyebabkan peningkatan kes wabak itu dan mengakibatkan kebanyakan negara membuat sekatan pergerakan bagi mengekang penularan wabak itu.

4. Pasaran semikonduktor di seluruh dunia dijangka meningkat 25 peratus pada tahun 2021, menurut Statistik Perdagangan Semikonduktor Dunia (WSTS). WSTS menganggarkan kenaikan sebelumnya sebanyak 19.7 peratus.

5. Ramai pengusaha pusat tuisyen mengeluh susulan pandemik COVID-19 dan juga ketiadaan peperiksaan awam seperti UPSR dan PT3.

6. Kadar pengangkutan udara dan laut tidak menentu semasa wabak COVID-19, DHL memilih untuk menggunakan pengangkutan jalan kerana ia menawarkan harga, kapasiti dan akses sempadan yang lebih stabil di Asia Tenggara dalam platform e-dagang.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pembukaan semula sektor ekonomi dalam tempoh Fasa pemulihan dan peningkatan pengeluaran automotif akan memberi impak kepada Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan (IHPrP) terutamanya bagi sektor pengangkutan.

2. Semakan semula harga CPO pada akhir tahun ini serta prestasi harga CPO yang dijangka lemah pada akhir Disember seterusnya kepada separuh tahun pertama 2022 akan memberi impak kepada IHPR sama ada dalam sektor Pembuatan atau IHPR keseluruhan.

3. Harga minyak mentah dunia yang jatuh kerana peningkatan kes koronavirus akibat varian Delta di Asia dan Dolar Amerika Syarikat yang naik pula akan menyebabkan permintaan komoditi itu menurun dan akan memberi kesan kepada Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Malaysia kerana minyak mentah Brent adalah antara indikator utama yang menyokong kepada keseluruhan prestasi IHPR. Minyak mentah Brent mencatatkan pertumbuhan 73.8 peratus tahun ke tahun pada Julai 2021 berbanding 83.0 peratus pada Jun 2021.

4. Pasaran semikonduktor di seluruh dunia dijangka akan menunjukkan kadar pertumbuhan positif pada 2021. Trend pertumbuhan ini dijangka akan kekal bagi bulan-bulan seterusnya. Pada tahun 2021, komoditi Peralatan semikonduktor lain mencatatkan pertumbuhan bulan ke bulan yang positif selama empat bulan berturut-turut sejak Mac 2021 dengan purata pertumbuhan 0.6 peratus dari Januari hingga Julai 2021.

5. Akibat daripada penularan wabak COVID-19, sektor pendidikan yakni Pusat tuisyen juga terkesan dan hilang punca pendapatan. Perkara ini dijangka memberi impak kepada Indek Harga Pengeluar Perkhidmatan (IHPrP) bagi sektor pendidikan.

| **H.** | **Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Kosmo!**<br>17 Ogos 2021<br>(*Non-essential*) | **293 kes kematian COVID-19 hari ini**<br><br>Sebanyak 293 kes kematian COVID-19 hari ini menjadikan jumlah kes kematian negara kini mencecah 13,077 kes. | https://www.kosmo.com.my/2021/08/17/293-kes-kematian-COVID-19-hari-ini/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2. | **Berita Harian**<br>19 Ogos 2021<br>(*Non-essential*) | **Lebih 50 peratus populasi dewasa Malaysia kini lengkap vaksin**<br><br>Sebanyak 50.2 peratus atau 11,743,096 daripada keseluruhan populasi dewasa negara ini, setakat semalam sudah melengkapkan dos vaksin COVID-19 masing-masing. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/853078/lebih-50-peratus-populasi-dewasa-malaysia-kini-lengkap-vaksin |

Penemuan penting & isu:

1. Kes aktif dengan kebolehjangkitan sebanyak 252,147 kes termasuk 1,054 kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan 525 kes memerlukan bantuan pernafasan. Terdapat 16,468 kes sembuh dengan jumlah keseluruhan kes sembuh sebanyak 1,179,046 kes.

2. Seramai 17,625,760 yang mewakili 75.3 peratus populasi dewasa di negara ini direkodkan menerima sekurang-kurangnya satu dos pelalian itu. Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin (JKJAV) berkata, pemberian 531,114 dos vaksin berjaya diselesaikan semalam, membabitkan 188,474 dos pertama, manakala 342,640 adalah dos kedua pelalian itu. Ia menjadikan kumulatif pemberian vaksin COVID-19 di seluruh negara ini, meningkat kepada 29,368,856 dos sejak Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dilaksanakan sejak 24 Februari lalu. Malaysia kini berada dalam Fasa Tiga PICK yang dijangka selesai pada Mei tahun depan, membabitkan pemberian vaksin kepada 13.7 juta penduduk berusia 18 tahun ke atas serta kalangan warga asing yang berada di negara ini. Perincian pemberian pelalian itu menyaksikan Labuan kekal di tangga teratas apabila seramai 61,635 orang atau 90 peratus populasi dewasa sudah lengkap divaksin, manakala 68,174 atau 99.5 peratus sudah menerima dos pertama. Ia disusuli Sarawak yang merekodkan seramai 1,685,994 orang atau 82.5 peratus populasi dewasa sudah lengkap divaksinasi, manakala 1,826,000 penduduknya atau 89.4 peratus menerima dos pertama vaksin COVID-19. Lembah Klang pula negeri ketiga tertinggi pemberian vaksin apabila seramai 4,546,662 populasi dewasa atau 73.8 peratus sudah menerima dos lengkap. Bagi yang menerima dos pertama di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya itu ia mencatatkan seramai 6,553,311 orang. Ia diikuti Negeri Sembilan yang kini merekodkan 550,315 orang menerima dos lengkap (67.6 peratus); Perlis (105,294 orang atau 58.1 peratus); Melaka (286,381 atau 42.3 peratus) dan Pulau Pinang (554,315 individu atau 40.5 peratus. Terengganu pula merekodkan seramai 310,751 orang atau 38.4 peratus penduduknya sudah menerima kedua-dua dos, diikuti Perak (702,544 orang atau 37.7 peratus);

Pahang (432,969 orang atau 36.8 peratus); Kedah (522,112 orang atau 33.9 peratus); Kelantan (402,784 orang atau 32.6 peratus dan Johor (870,777 orang atau 32.1 peratus). Sementara itu Sabah masih berada di bawah 30 peratus yang menerima vaksinasi lengkap dengan negeri itu mencatatkan 710,563 orang atau 25.8 peratus.

Maklumbalas Bahagian:

1. Data kematian pada suku tahun kedua 2021 ialah:
   - Jumlah kematian pada suku tahun pertama 2021 direkodkan sebanyak 44,307 kematian, meningkat sebanyak 10.1 peratus berbanding suku tahun pertama 2020 (40,241 kematian);
   - Sejumlah 25,216 kematian adalah lelaki sementara 19,091 kematian adalah perempuan; dan Sebanyak 3,898 kematian disebabkan COVID-19 pada suku tahun kedua 2021, meningkat daripada 78 kematian pada suku tahun kedua 2020.

2. Berdasarkan data pendaftaran penduduk semasa, penduduk Malaysia pada suku tahun kedua 2021 dianggarkan 32.7 juta orang, dimana kadar pertumbuhan penduduk tahunan menurun kepada 0.2 peratus. Jumlah penduduk ini merangkumi 30.0 juta orang (91.8%) warganegara dan 2.7 juta orang (8.2%) bukan warganegara. Penduduk Bukan Warganegara menunjukkan penurunan daripada 3.0 juta (2020) kepada 2.7 juta pada 2021. Penduduk tua (65 tahun dan lebih) meningkat kepada 7.4 peratus (2.3 juta) pada 2021. Umur penengah penduduk pada 2021 meningkat kepada 29.6 tahun, iaitu peningkatan sebanyak 3.3 tahun setelah satu dekad (2010-2021).

| **I.** | **Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Harian Metro**<br>17 Ogos 2021<br>*(Non-essential)* | **Selami kesulitan golongan B40**<br><br>Sebanyak 500 Kotak Rezeki Harian Metro bernilai RM75,000 diagihkan kepada golongan B40 di bawah inisiatif Hijrah Bermula dari Hati menerusi Program Titipan Kasih Harian Metro (TKHM) bersama Hijrah di Yayasan Warisan Batu di sini, Sabtu lalu. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/08/743406/selami-kesulitan-golongan-b40 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Program bertujuan membantu keluarga di sekitar Kuala Lumpur yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Sumbangan kepada penerima diadakan pada satu majlis ringkas di Yayasan Warisan Batu di sini mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan. | |
| 2. | **Berita Harian**<br>17 Ogos 2021<br>*(Non-essential)* | **Kanak-kanak jadi kes indeks kluster baharu**<br><br>Kanak-kanak perempuan berusia tujuh tahun menjadi kes indeks bagi Kluster Lorong Wook di Pasir Mas, Kelantan dan sehingga kini sudah menjangkiti 11 individu.<br><br>Kluster dalam kalangan komuniti itu dikesan hasil saringan individu bergejala pada 11 Ogos lalu. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/852525/kanak-kanak-jadi-kes-indeks-kluster-baharu |
| 3. | **Berita Harian**<br>17 Ogos 2021<br>*(Non-essential)* | **'Program vaksinasi seluruh negara berjalan seperti biasa, lancar'**<br><br>Program vaksinasi bagi memerangi pandemik COVID-19 di seluruh negara berjalan seperti biasa walaupun pentadbiran negara kini diterajui Perdana Menteri sementara tanpa Jemaah Menteri.<br><br>Urusan dan operasi jentera perkhidmatan kesihatan tidak terjejas, sebaliknya tetap lancar seperti sebelum ini bagi memastikan kesihatan dan keselamatan rakyat terus terpelihara. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/852443/program-vaksinasi-seluruh-negara-berjalan-seperti-biasa-lancar |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4. | **Berita Harian**<br>18 Ogos 2021<br>*(Essential)* | **Pelbagai tawaran pakej khas sempena Hari Kebangsaan**<br><br>Sempena sambutan Hari Kebangsaan, pihak industri telekomunikasi dan penyiaran menyediakan beberapa tambahan nilai pakej untuk kemudahan rakyat. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dalam satu kenyataan memaklumkan, pihaknya bersama dengan industri sentiasa prihatin dengan situasi semasa, justeru berganding bahu dalam memastikan wujud keseimbangan antara melindungi nyawa dan kelangsungan hidup rakyat.<br><br>Pakej yang disediakan termasuk Tawaran Pakej Peranti RM1 Malaysia Prihatin bagi membolehkan semua rakyat Malaysia memiliki atau menaik taraf pelbagai peranti mudah alih yang menyokong 4G dan VoLTE bermula dengan RM1. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/852744/pelbagai-tawaran-pakej-khas-sempena-hari-kebangsaan |

Penemuan penting & isu:

1. Sebanyak 500 Kotak Rezeki Harian Metro bernilai RM75,000 diagihkan kepada golongan B40 di bawah inisiatif Hijrah Bermula dari Hati menerusi Program Titipan Kasih Harian Metro (TKHM) bersama Hijrah di Yayasan Warisan Batu.

2. Kanak-kanak perempuan berusia tujuh tahun menjadi kes indeks bagi Kluster Lorong Wook di Pasir Mas, Kelantan dan sehingga kini sudah menjangkiti 11 individu.

3. Program vaksinasi bagi memerangi pandemik COVID-19 di seluruh negara tetap berjalan seperti biasa walaupun pentadbiran negara kini diterajui Perdana Menteri sementara tanpa Jemaah Menteri.

| |
|---|
| 4. Sempena sambutan Hari Kebangsaan, pihak industri telekomunikasi dan penyiaran menyediakan beberapa tambahan nilai pakej untuk kemudahan rakyat. |
| Maklumbalas Bahagian:<br>1. Program TKHM merupakan antara inisiatif untuk membantu golongan B40 yang terkesan ketika pandemik ini meneruskan kelangsungan hidup. Berdasarkan My Local Stats 2019 dan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas, peratusan isi rumah kumpulan pendapatan B40 di Kuala Lumpur pada 2019 adalah 1.3 peratus.<br>2. Kanak-kanak merupakan antara golongan yang berisiko dijangkiti COVID-19. Sehubungan dengan itu, ibu bapa dinasihatkan supaya memainkan peranan dalam memastikan persekitaran anak mereka sentiasa berada di dalam keadaan selamat. Merujuk kepada Statistik Kanak-kanak 2020, anggaran bilangan kanak-kanak yang berumur 18 tahun ke bawah dan lima tahun ke bawah adalah masing-masing seramai 9,247.5 ribu orang dan 2,542.2 ribu orang.<br>3. Program vaksinasi haruslah diteruskan bagi membantu negara dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) sekali gus memastikan imuniti kelompok dapat dicapai secepat mungkin. Ini adalah untuk memastikan kesejahteraan rakyat terjamin dalam keadaan yang sukar ini. Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) 2019 meningkat 0.6 peratus pada 2019 kepada 121.0 mata indeks berbanding 120.3 mata indeks pada 2018.<br>4. Tawaran Pakej Peranti RM1 Malaysia Prihatin akan meringankan beban golongan ibu bapa yang memerlukan capaian internet bagi anak mereka mengikuti Pengajaran dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR). Merujuk kepada My Local Stats 2019, bilangan murid sekolah rendah kerajaan dan menengah kerajaan di Malaysia pada 2019 adalah masing-masing seramai 2,729,491 orang dan 2,035,698 orang. |

| **J.** | **Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Sinar Harian**<br>17 Ogos 2021<br>(*Essential*) | **Pasaran getah ditutup kukuh**<br><br>Pasaran getah Malaysia ditutup kukuh pada Selasa disokong oleh kenaikan dalam pasaran hadapan getah serantau dan dirangsang | https://www.sinarharian.com.my/article/156118/BISNES/Pasaran-getah-ditutup-kukuh |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | oleh laporan bahawa China akan mengukuhkan dasar fiskal dan monetari walaupun terdapat trend bercampur-campur dalam harga minyak mentah yang dijadikan penanda aras. kenaikan lebih lanjut disekat oleh kemerosotan pasaran ekuiti global berikutan meningkatnya kebimbangan mengenai kesan varian COVID-19 Delta. | |
| 2. | **Berita Harian**<br>19 Ogos 2021<br>(*Essential*) | **MAFI sedia RM15 juta bantu usahawan muda**<br><br>Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memperuntukkan RM15 juta untuk Geran Agropreneur Muda (GAM) dalam usaha meningkatkan pembabitan golongan agropreneur muda pada tahun ini.<br><br>Peruntukan yang disalurkan itu membabitkan sasaran seramai 750 agropreneur muda. Kementerian juga menjangkakan kesan penggandaan bernilai RM89.4 juta melalui bantuan geran yang diserahkan Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid menerusi webinar Program Empowerment @Agropreneur Muda 2021. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/853312/mafi-sedia-rm15-juta-bantu-usahawan-muda |

Penemuan penting & isu:

1. Pasaran getah Malaysia ditutup kukuh pada Selasa disokong oleh kenaikan dalam pasaran hadapan getah serantau. Ia juga dirangsang oleh laporan bahawa China akan mengukuhkan dasar fiskal dan monetari walaupun terdapat trend bercampur-campur dalam harga minyak mentah yang dijadikan penanda aras. Kenaikan lebih lanjut disekat oleh kemerosotan pasaran ekuiti global berikutan meningkatnya kebimbangan mengenai kesan varian COVID-19 Delta.

| | | | |
|---|---|---|---|
| | Harga Lembaga Getah Malaysia (MRB) untuk SMR 20 meningkat sembilan sen kepada 745.0 sen sekilogram sementara lateks pukal menokok enam sen pada 534.0 sen sekilogram.<br><br>2. Sejumlah RM131.8 juta peruntukan disalurkan kepada golongan muda bagi memberi manfaat kepada 7,406 usahawan Agropreneur Muda sejak ia dilancarkan pada 2016. Sejumlah 1,149 permohonan di bawah GAM bernilai RM21.7 juta sudah diluluskan pada tahun lalu, berbanding 750 pada 2019. Menyedari betapa pentingnya sektor pertanian, terutama ketika negara dan dunia berdepan pandemik COVID-19, Geran Agropreneur Muda ini menjadi satu pilihan penting bagi membantu anak muda memulakan projek pertanian. Data terkini menunjukkan daripada 14.6 juta belia dalam negara, hanya 15 peratus yang terbabit dalam bidang pertanian. | | |
| Maklumbalas Bahagian:<br><br>1. Pasaran getah yang ditutup kukuh ini dapat dilihat menerusi statistik pengeluaran getah asli yang diterbitkan di dalam Perangkaan Getah Bulanan rujukan Jun 2021 yang menunjukkan peningkatan sebanyak 37.8 peratus berbanding bulan sebelumnya. Prestasi harga getah SMR 20 merekodkan harga lebih tinggi pada Jun tahun 2021 iaitu RM668.86 sen/kg berbanding RM 484.33 sen/kg Jun 2020.<br><br>2. Di saat negara dilanda pandemik COVID-19, sektor pertanian merupakan sektor yang penting dan dibenarkan beroperasi mengambilkira kepentingannya kepada penduduk untuk akses kepada bekalan makanan. Bantuan kerajaan kepada usahawan muda melalui GAM merupakan inisiatif yang dapat mendorong belia untuk memulakan pertanian sebagai sumber pendapatan. Pengeluaran item pertanian negara dijangka meningkat dan memberi kesan secara tidak langsung kepada kadar sara diri item pertanian dan mengurangkan kebergantungan import. | | | |
| **K.** | **Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM)** | | |
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Edge Market**<br>18 Ogos 2021<br>(*Non-essential*) | **SOCSO forges partnership to help workers re-enter job market**<br><br>The Social Security Organisation (SOCSO) entered into a partnership with the SME Association of Malaysia and five private Higher Learning Institutions (IPTS) namely Taylor | https://www.theedgemarkets.com/article/socso-forges-partnership-help-workers-reenter-job-market |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | University, HELP University, INTI International University and Colleges, University Tunku Abdul Rahman (UTAR) and Tunku Abdul Rahman University College to build long-term cooperation related to SOCSO's social security protection, including active labour market programmes.<br><br>SOCSO supported social security protection among small and medium enterprises (SMEs), including assisting workers to re-enter the job market.<br><br>About 150,000 formal workers have lost their jobs while over 768,700 individuals remained unemployed during the COVID-19 pandemic as of July this year. | |
| 2. | **The Edge Market**<br>17 Ogos 2021<br>(*Non-essential*) | **Job opportunities in financial services, fintech, healthcare rose in 2Q, says recruitment specialist Michael Page**<br><br>Job opportunities in the country within sectors such as financial services and fintech as well as healthcare and life sciences improved during the second quarter (2Q) of the year. According to the Michael Page Malaysia Talent Trends report, the number of jobs rose by 22% overall in 2Q compared to 1Q.<br><br>Multinationals with existing footprint in Malaysia are expanding their operations, either with new functions or skill sets further up the job value chain. This | https://www.theedgemarkets.com/article/job-opportunities-financial-services-fintech-healthcare-rose-2q-says-recruitment-specialist |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | is driving the activity in hiring trends. | |
| 3. | **The Edge Market**<br>17 Ogos 2021<br>(*Non-essential*) | **Reopen fitness, sports facilities for fully vaccinated individuals, pleads Radhakrishnan**<br><br>Youth and Sports Ministry Panel of Experts Committee and National Sports & Fitness Venue Owners And Operators Association (NSFVOOA) has urged the government to reopen fitness and sports facilities for fully vaccinated individuals. The move was needed for the sake of the public's physical and mental health. NSFVOOA found that about 100 gyms, and potentially many more, might have to close down, adding that this would lead to an increase in unemployment. | https://www.theedgemarkets.com/article/reopen-fitness-sports-facilities-fully-vaccinated-individuals-pleads-radhakrishnan |
| 4. | **Bernama**<br>17 Ogos 2021<br>(*Non-essential*) | **Semua juruterbang, kru kabin bertugas Malaysia Airlines divaksinasi – MAG**<br><br>Syarikat penerbangan Malaysia Airlines telah mencatatkan tahap 100 peratus vaksinasi bagi juruterbang dan kru kabinnya yang bertugas. Kemajuan program vaksinasi yang terkini itu berhasrat memberi keyakinan dan ketenangan kepada penumpang untuk memilih perjalanan dengan mana-mana syarikat penerbangan di bawah Malaysia Aviation Group. | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1993598 |

Penemuan penting & isu:

1. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menjalinkan kerjasama bagi membina hubungan strategik jangka panjang bersama SME Association of

Malaysia dan lima institusi pengajian tinggi swasta iaitu Universiti Taylor, Universiti HELP, Kolej Universiti Antarabangsa INTI, Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) dan Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman. Kerjasama ini bertujuan meningkatkan kadar penempatan pekerjaan graduan dari IPTS menerusi program pasaran buruh aktif yang dilaksanakan PERKESO. Diharapkan program tersebut dapat mengurangkan ketidaksepadanan antara kemahiran yang disediakan pihak universiti dengan kemahiran yang diperlukan oleh pihak majikan.

2. Peluang kerjaya dalam bidang perkhidmatan kewangan, teknologi kewangan (fintech), sains hayat dan penjagaan kesihatan bertambah baik pada suku kedua tahun 2021. Berdasarkan kajian *Michael Page Malaysia Talent Trends*, peningkatan bilangan pekerjaan adalah sebanyak 22 peratus suku kedua 2021 berbanding suku sebelumnya didorong oleh pengambilan pekerja daripada syarikat MNC di Malaysia.

3. Ahli Jawatankuasa Panel Pakar Kementerian Belia dan Sukan, dan Persatuan Pengusaha dan Pengendali Kompleks Sukan & Kecergasan Kebangsaan (NSFVOOAA) menggesa kerajaan membenarkan pembukaan semula pusat kecergasan dan kemudahan sukan untuk individu yang lengkap divaksin. Langkah tersebut perlu demi kesihatan fizikal dan mental masyarakat. NSFVOOA mendapati kira-kira 100 gimnasium dan kemungkinan banyak lagi, mungkin ditutup sekali gus menyebabkan peningkatan dalam pengangguran.

4. Syarikat penerbangan Malaysia Airlines telah mencatatkan tahap 100 peratus vaksinasi bagi juruterbang dan kru kabinnya yang bertugas. Kemajuan program vaksinasi bagi memberi keyakinan kepada penumpang untuk memilih perjalanan dengan mana-mana syarikat penerbangan di bawah Malaysia Aviation Group.

Maklumbalas Bahagian:

1. Berdasarkan petikan Sorotan Pasaran Buruh ST2 2021, situasi pasaran buruh Malaysia pada ST2 2021 bertambah baik berbanding suku yang sama pada tahun sebelumnya iaitu semasa impak COVID-19 pertama kali dirasai di negara ini. Namun, keadaan COVID-19 yang berlarutan dan tidak menentu telah mendorong kepada keperluan untuk pelaksanaan langkah kawalan yang bersesuaian. Kebanyakan daripada langkah yang bertujuan untuk melindungi kesihatan awam telah menyebabkan sekatan aktiviti sosial dan ekonomi berterusan sehingga sekarang. Oleh kerana cabaran berikutan prosedur yang lebih ketat pada ST2 2021 berbanding fasa pemulihan pada ST1 2021, momentum pemulihan pasaran buruh dari suku sebelumnya tidak berterusan. Bilangan tenaga buruh menurun susulan

pengurangan marginal bilangan guna tenaga dan pengangguran. Kadar pengangguran kekal selama tiga suku berturut-turut dan masih belum menunjukkan tanda-tanda penurunan ke tahap pra-pandemik. Jumlah jam bekerja terus menurun setelah pengurangan marginal suku ke suku pada ST1 2020. Dari segi permintaan buruh mengikut sektor ekonomi, walaupun terdapat peningkatan kecil dalam bilangan kekosongan jawatan, bilangan jawatan berkurang disebabkan oleh penurunan jawatan yang diisi.

2. Statistik utama tenaga buruh bagi bulan Jun 2021 yang diterbitkan pada 9 Ogos 2021 adalah seperti berikut:
   i) Tenaga buruh: 16,066.2 ribu
   ii) Penduduk bekerja: 15,297.5 ribu
   iii) Penganggur: 768.7 ribu
   iv) Luar tenaga buruh: 7,456.8 ribu
   v) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.3 peratus
   vi) Kadar pengangguran: 4.8 peratus

3. Statistik utama tenaga buruh pada ST2 2021 berdasarkan Laporan Tenaga Buruh adalah seperti berikut:
   i) Tenaga buruh: 15,972.2 ribu
   ii) Penduduk bekerja: 15,207.3 ribu
   iii) Penganggur: 764.9 ribu
   iv) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.3 peratus
   v) Kadar pengangguran: 4.8 peratus

4. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat utama berdasarkan SGT ST2 2021:
   i) Jawatan: 8,351.8 ribu
   ii) Jawatan diisi: 8,173.7 ribu
   iii) Kekosongan: 178.0 ribu
   iv) Pewujudan jawatan: 16.18 ribu
   v) Kadar jawatan diisi: 97.9%
   vi) Kadar kekosongan: 2.1%

5. Statistik pekerja mengikut aktiviti utama ekonomi bagi ST2 2021 berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh adalah seperti berikut:
   i) Pertanian: 1,886 ribu orang (Sumbangan: 12.4%)
   ii) Perlombongan dan pengkuarian: 74 ribu orang (Sumbangan: 0.5%)
   iii) Pembuatan: 2,577 ribu orang (Sumbangan: 16.9%)
   iv) Pembinaan: 1,390 ribu orang (Sumbangan: 9.1%)
   v) Perkhidmatan: 9,279 ribu orang (Sumbangan: 61.0%)
   vi) Jumlah: 15,207 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)